

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, August 10, 2018 7:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat MPUI-UUM Fokus Agenda Melahirkan Graduan Yang Memenuhi Keperluan Masa Hadapan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 OGOS 2018 / 28 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MESYUARAT MPUI-UUM FOKUS AGENDA MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN MASA HADAPAN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 10 Ogos - Cabaran melahirkan graduan bagi memenuhi keperluan industri pada masa hadapan yang semakin pesat berkembang seiring perkembangan teknologi menjadi agenda Utama Mesyuarat Majlis Penasihat Industri-Universiti Universiti Utara Malaysia (MPUI-UUM) Bilangan 1/2018.

Mesyuarat yang dikendalikan oleh Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) ini dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.


Beliau dalam ucapan aluannya berkata mesyuarat yang dianjurkan ini bertujuan merapatkan jurang antara "training provider" iaitu universiti dan pihak industri khususnya dalam melahirkan graduan yang benar-benar memenuhi keperluan industri.

"Agenda utama mesyuarat ini adalah bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak industri dan berkongsi idea mengenai perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak universiti bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi keperluan industri yang cepat berubah seiring perkembangan semasa," ujarnya.

Selain itu, mesyuarat ini juga membincangkan mengenai jenis graduan bagaimana perlu dilahirkan universiti dan industri yang akan mendominasi masyarakat pada masa hadapan.

Pada mesyuarat itu juga Pengarah CUIC, Prof Madya Dr Mohd Sobri Don membentangkan mengenai keterlibatan UUM dan industri yang telah membantu universiti mencapai banyak kejayaan dan menyediakan graduan UUM untuk memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0.

Seramai 10 ahli MPUI terdiri daripada wakil-wakil industri terlibat dalam mesyuarat ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.